

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 2 (51)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2012-2013)
BILANGAN 7 TAHUN 2013**

Tarikh	: 30 Julai 2013 (Selasa)
Masa	: 10.30 Pagi – 01.08 Petang
Tempat	: Dewan Bunga Tanjung, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.
Hadir	: Seperti dilampirkan kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Mohamad Rosnani, Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Perhubungan Awam mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Jun dan Julai tahun 2013.

3. PERUTUSAN DATUK BANDAR

- 3.1 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya kepada Majlis khususnya dalam memastikan pelbagai program dan aktiviti yang telah dirancang dan dilaksanakan dengan sebaiknya. Walaubagaimanapun beliau mengakui terdapat jurang di antara perkhidmatan yang diberikan dengan *expectation* penduduk di MBPJ. Tidak dinafikan warga kerja MBPJ sentiasa berusaha untuk mengurangkan perbezaan tersebut dengan pelbagai usaha dan strategi bagi memenuhi kehendak *the stake holder*.



Oleh itu beliau berharap agar Ahli Majlis dapat mengemukakan cadangan dan memperbaiki dasar sedia ada mengikut peredaran masa bagi meningkatkan lagi tahap *delivery system* yang dianggap lemah. Teguran membina seharusnya diberikan kepada mereka supaya tidak *demoralise* pegawai dan kakitangan yang sememangnya berusaha ke arah mempertingkatkan usaha mereka. Jangan disebabkan beberapa pegawai atau kakitangan, yang ibarat nila setitik rosak susu sebelanga.

Untuk makluman semua, mesyuarat majlis pada hari ini disiarkan secara langsung (*live streaming*) melalui website Majlis, di www.mbpj.gov.my sebulan lebih awal daripada arahan Kerajaan Negeri. Beliau berharap Ahli-ahli Majlis lebih peka sepanjang mesyuarat berlangsung. Minit mesyuarat Majlis juga boleh di akses melalui website Majlis.

3.2 KAJIAN AWAL NILAI CUKAI MBPJ

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan perancangan pembangunan dan proses perancangan belanjawan MBPJ, kaedah Nilai Cukai akan diperkenalkan. Nilai cukai merupakan kutipan hasil daripada sumber cukai yang dikenakan oleh PBT ke atas pemilik hartanah berlandaskan kepada Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan. Untuk pengetahuan semua, kajian awalan menunjukkan bahawa nilai cukai per ekar sehingga 30 Jun 2013 bagi MBPJ adalah RM8,524.00 manakala nilai cukai per unit pegangan adalah RM926.94. Dari segi lokasi geografi nilai cukai di kawasan SS adalah 28% lebih tinggi daripada kawasan PJU. Sementara itu, hampir 44% daripada nilai cukai Majlis adalah berpunca daripada gunatanah komersial. Satu perkara yang menarik adalah nilai cukai seunit bagi pangsapuri servis adalah 35% lebih tinggi daripada kediaman bertingkat.

Dari segi perbelanjaan per ekar bagi servis asas bandar pula, sebanyak 15 kawasan kejiranan ataupun 23% mendapat peruntukan melebihi RM100,000 se ekar, iaitu 31% lebih tinggi daripada purata perbelanjaan bagi seluruh kawasan Majlis. Kajian awal ke atas nisbah belanja bahagi dengan nilai cukai se ekar pula menunjukkan bahawa terdapat 7 buah ataupun 11% kawasan kejiranan mempunyai nisbah kurang daripada nilai 1. Dalam ertikata lain, kutipan cukai adalah lebih tinggi daripada kuantiti servis yang ditawarkan. Namun, terdapat 5 kawasan kejiranan lain mencatat nilai melebihi 100. Kawasan tersebut termasuk Seksyen 5, 12, 17A, SS11 dan PJU4. Ini menunjukkan bahawa sama ada perbelanjaan telah bertambah disebabkan infrastruktur perlu dinaiktaraf ataupun nilai cukai kekal ataupun berkurangan disebabkan potensi nilai masih belum direalisasikan.

Seiring itu, beliau berpandangan angka indikatif awalan ini menunjukkan bahawa Majlis mempunyai satu peluang yang besar bagi meninjau kadar baru cukai yang lebih menggambarkan senario semasa dan yang saksama. Ke arah tersebut, Majlis akan berusaha menyediakan satu pangkalan data merangkumi kesemua jenis perbelanjaan dan juga ramalan kutipan nilai cukai menerusi projek pembangunan yang telah diluluskan bagi tujuan melengkapkan lagi aplikasi kaedah nilai cukai bagi tujuan pengurusan Bandaraya Petaling Jaya.

Data tersebut bukan lagi eksklusif menggambarkan senario yang tepat, namun kejituannya adalah memadai demi memberi satu gambaran indikatif ke atas perbelanjaan yang diperuntukkan dan diberikan oleh MBPJ kepada setiap kawasan kejiraninan dalam bidang servis *back to basic* yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri.

3.3 HALATUJU SEKTOR EKONOMI DAN PELABURAN

Dalam persidangan Dewan Negeri Selangor baru-baru ini, adalah dimaklumkan bahawa pertumbuhan KDNK bagi Selangor mencapai 5-6% setahun antara 2008 hingga 2012. Pelaburan dalam negeri meliputi lebih 20% daripada keseluruhan Negara. Ini menunjukkan bahawa pelabur dalam atau luar negara masih menganggap bahawa Negeri Selangor merupakan destinasi utama pelaburan terutamanya pembangunan harta tanah, perkhidmatan dan pembuatan. Memandangkan bahawa kadar kemelesetan ekonomi sedunia kemungkinan akan meningkat dan semakin mencabar, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bahawa fokus bagi tahun berikutnya akan diberi perhatian kepada sektor perkhidmatan perubatan dan kesihatan, kewangan dan pendidikan.

Pada pandangan beliau, halatuju ini adalah sangat rapat dan merupakan asas ekonomi utama Petaling Jaya. Sehubungan itu, beliau berharap agar kita mengambil kesempatan untuk menyediakan satu suasana pelaburan dan penyediaan kemudahan serta perkhidmatan sektor tersebut yang kondusif. Beliau berharap semua jabatan teknikal akan mengkaji semula peraturan, undang-undang kecil dan dasar bagi memudahkan pelaksanaan halatuju tersebut. Sebagai contohnya, bagaimanakah kita memastikan bahawa pembangunan bercampur, compact, ataupun perkhidmatan institusi pendidikan tinggi berada di kawasan tadahan TOD yang tidak menimbulkan masalah kesesakan lalulintas tetapi lebih banyak penjanaan perjalanan berjalan kaki atau pengangkutan awam.

TAHAP KEMAMPUAN PEMILIKAN RUMAH

Di dalam persidangan Parlimen pada minggu yang lepas dimaklumkan bahawa nisbah nilai hutang keluarga berbanding dengan KDNK adalah 82.9% bagi tahun 2012, iaitu lebih tinggi dari Filipina, Singapura, Jepun dan Hong Kong. Daripada itu, 47% merupakan hutang pinjaman perumahan dan disusuli dengan pinjaman kenderaan (20%), pinjaman peribadi (8.7%) dan pinjaman kad kredit (5%). Aliran ini adalah meruncingkan kerana paras kemudah-alihan kewangan keluarga terikat dan orang ramai terpaksa menggunakan hampir 50% daripada pendapatan mereka untuk membayar balik pinjaman perumahan. Angka ini dijangka akan meningkat lagi dengan kenaikan harga perumahan di kawasan Lembah Klang termasuk Petaling Jaya.

Oleh yang demikian, tahap kemampuan memiliki rumah menjadi satu cabaran yang besar bukan saja kepada bakal pemilik rumah, namun pengurus bandar seperti Majlis. Dalam pada itu, satu kajian dikendalikan oleh Maybank Investment Bank baru-baru ini menunjukkan bahawa 56% daripada yang ditemubual menyatakan hasrat untuk memiliki rumah dalam tempoh 12 bulan akan datang di mana hampir 40% daripada mereka adalah golongan berumur 30 tahun ke bawah. Kriteria pemilihan pemilikan rumah bagi golongan tersebut adalah faktor lokasi dan harga di mana punca adanya kemudahan pengangkutan awam tidak menjadi keutamaan lagi.

Dengan aliran tersebut, ertinya memiliki rumah yang mampu masih merupakan pilihan utama dalam pelaburan. Bagi memenuhi permintaan tersebut terutamanya golongan muda, maka perancangan pembangunan harta tanah yang mampu membekalkan produk perumahan sedemikian adalah perlu. Dalam hal ini, beliau berpendapat, peranan PBT adalah memudahkan cara pemprosesan permohonan secara berkesan dan mengambil kira pemberian skim insentif dan subsidi yang menggalakkan seperti pembangunan bercampur bagi mengurangkan penjanaan perjalanan trafik di kawasan tadahan TOD, sistem pengangkutan awam yang berkesan, pembaharuan bandar bagi kawasan yang usang haruslah diberi fokus utama.

3.5 PELAN TINDAKAN LINGKARAN KORIDOR HIJAU

Petaling Jaya merupakan bandar dalam taman yang dirancang secara bersepadu melalui penyediaan tempat bekerja, kediaman dan rekreasi ke arah cara hidup moden dan sihat kepada komuniti bandar.

Konsep Bandar Dalam Taman merupakan salah satu kaedah yang perlu diteroka bagi membantu memastikan penduduk mendapat kehidupan yang selamat, selesa dan sihat. Konsep ini juga memainkan peranan yang penting ke arah pembangunan yang mampan. Penyediaan Pelan Koridor Hijau adalah satu langkah ke arah Bandaraya Petaling Jaya sebagai bandaraya dalam taman.

Koridor hijau yang dikenalpasti adalah jajaran yang mengambilkira taman-taman awam, hutan simpan, rezab utiliti, rezab sungai dan rintisan elektrik. Untuk mencapai pembangunan mampan, pertalian simbiotik kawasan hijau dan kawasan binaan hendaklah dieratkan. Fungsi kawasan hijau sebagai pembekal biodiversity, kitaran oksigen, habitat dan keselesaan manusia perlu dipelihara.

Kawasan lapang (*green space* atau *greenbelt*) merupakan komponen utama dalam “PJ Community Green Corridor”. Setiap kawasan lapang dihubungkan bagi membentuk satu jaringan kawasan lapang yang dinamakan *Park Connectors Network*.

Park Connectors Network merupakan salah satu elemen di dalam konsep “PJ Community Green Corridor” di mana ia adalah jaringan jajaran kawasan lapang yang menghubungkan taman-taman awam utama, kawasan alam sekitar dan kawasan perumahan bagi memastikan kepentingan flora dan fauna terpelihara. Berdasarkan laporan MURNInets (pengukuran bandar mampan), MBPJ telah mencapai tahap 2.4 hektar untuk 1,000 penduduk bagi penyediaan kawasan lapang. Piawaian yang ditetapkan adalah 2 hektar untuk 1,000 penduduk

Park Connectors juga merangkumi gunatanah lain seperti rezab parit, *foreshore* and rezab jalan di mana kawasan-kawasan ini dijadikan tempat rekreasi yang cantik. *Park Connectors* dijadikan sebagai penghubung dan memberi kemudahan kepada penduduk untuk berjogging, berjalan kaki dan juga berbasikal dalam jarak 2 km hingga 10 km untuk sampai ke taman yang lain. Selain itu ia juga dijadikan sebagai jalan pintas (*shortcuts*) untuk ke kawasan perumahan, stesen MRT dan sekolah. Pelaksanaan program Koridor Hijau ini meliputi kawasan seluas 1,555 hektar merangkumi 464 kawasan lapang dan hutan komuniti iaitu Hutan Pendidikan Bukit Gasing dan Hutan Komuniti Kota Damansara.

3.6 PENGHIJAUAN BANDAR

Sejajar dengan hasrat MBPJ dalam pelaksanaan Koridor Hijau ini, penghijauan Bandar Petaling Jaya tetap menjadi keutamaan Majlis. Bagi tahun ini sebanyak RM8.48 juta diperuntukkan bagi pembekalan anak-anak pokok, penyelenggaraan landskap dan

penyelenggaraan pokok. Sehingga Jun 2013 sebanyak 98,381 pokok telah ditanam iaitu telah melebihi sasaran sebanyak 100,000 pokok setahun.

Majlis juga mengambil tindakan serius terhadap kerja-kerja menaiktaraf kawasan lapang, pembangunan taman kanak-kanak, menaiktaraf tasik-tasik awam dan padang-padang di sekitar Petaling Jaya. Majlis telah memperuntukkan RM5.58 juta bagi program ini. Dengan kerja menaiktaraf dan pembangunan kawasan riadah akan membolehkan penduduk menikmati masa berahat dengan aman. Pelbagai aktiviti kemasyarakatan akan dapat dilaksanakan sekiranya tempat-tempat kemudahan awam seperti ini berada di dalam keadaan yang baik.

Selain itu Majlis amat menggalakkan penglibatan masyarakat setempat dan NGO untuk melaksanakan program koridor hijau supaya lebih efektif di Petaling Jaya. Sebagai contoh, projek SUBUR yang diketuai oleh seorang aktivis, Chan Li Jin, yang meluangkan masa untuk mengajar kaum wanita di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara untuk menanam pokok dan sayuran. Selaras dengan itu, MBPJ telah meluluskan tapak seluas 20 x 3 meter persegi berdekatan tempat letak kereta kepada penduduk PPR Kota Damansara untuk menjalankan program SUBUR. MBPJ juga telah menyediakan *soil and coco-peat* bagi tujuan penanaman pokok kelapa dan sekam padi. Projek SUBUR ini merupakan satu daripada contoh yang harus diikuti oleh semua komuniti dan masyarakat sekitar yang lain.

3.7 PELAN TINDAKAN 5 TAHUN JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN NEGERI SELANGOR

Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor telah menetapkan Pelan Tindakan 5 tahun, bagi memperkasakan sistem penyampaian PBT Negeri Selangor melibatkan 6 teras strategik, berlandaskan prinsip MATA iaitu – Mesra, Amanah, Tegas dan Adil.

- Teras Strategik 1 : Menumpukan tugas asas

Pelan Tindakan:

- i. Menambahbaik sistem pengauditan pemantauan kerja dan pembayaran
- ii. Menubuhkan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di PBT
- iii. Menetapkan Tatacara operasi piawai (SOP) untuk seluruh PBT di dalam proses penguatkuasaan, permohonan permit dan lesen

- iv. Mengurangkan kontraktor dan menambah pekerja PBT untuk memastikan sebahagian daripada kerja-kerja pembersihan diurus sendiri oleh PBT
- v. Mengenakan hukuman berat kesalahan kebersihan

- Teras Strategik 2 : Membina Imej Positif

Pelan Tindakan:

- i. Memaparkan Datuk Bandar/Yang Dipertua dan barisan pengarah PBT di billboard dengan rekabentuk yang seragam
- ii. Projek Padang Ceria : Membina / menaiktaraf minima 500 set kelengkapan / peralatan taman / padang seluruh Negeri Selangor PBT
- iii. Telematch tahunan – galakan kepada PBT untuk menganjurkan telematch bersama penduduk
- iv. Perjumpaan Bulanan – Datuk Bandar / Yang Dipertua bersama pembayar cukai bertujuan penyelesaian isu-isu semasa dan bertukar pandangan
- v. Mewujudkan Facebook dan Twitter PBT
- vi. Menyeragamkan format dan rekabentuk kempen / program di PBT untuk menonjolkan imej dan identiti PBT Selangor

- Teras Strategik 3 : Mendemokrasikan PBT

Pelan Tindakan:

- i. Mengadakan siaran langsung Mesyuarat Bulanan
- ii. Memaparkan minit mesyuarat di PBT
- iii. Pemilihan Ahli Majlis Bandaraya dan Perbandaran
- iv. Menghadkan tempoh penggal lantikan Ahli Majlis

- Teras Strategik 4 : Meningkatkan Kebajikan Warga PBT

Pelan Tindakan :

- i. Mewujudkan pegawai kontrak yang menawarkan gaji yang lebih, bonus persembahan kerja dan peluang kenaikan pangkat yang lebih menarik.
- ii. Mempertingkatkan kelengkapan keselamatan untuk penguatkuasa
- iii. Menaikan elan kerja lebih masa yang lebih tinggi
- iv. Menggunakan *software* penilaian prestasi kerja

- Teras Strategik 5 : Menyempurnakan Tugas Tertangguh

Pelan Tindakan :

- i. Undang-undang Kecil pelesenan –menyelesaikan isu berkaitan Fi Lesen
- Teras Strategik 6 : Projek Khas

Pelan Tindakan :

- i. Perkhidmatan Bas Bandar Percuma (Majlis Bandaraya Dan Perbandaran)
- ii. Menambahkan anggota penguatkuasa untuk kerja rondaan. (Majlis Bandaraya Dan Perbandaran)
- iii. Melibatkan swasta menyertai projek pemasangan CCTV
- iv. Menaiktaraf pasar awam

- 3.8 Di sepanjang tempoh menerajui bandaraya ini, kita telah berusaha untuk melaksanakan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis, khususnya dalam aspek pembangunan, penyelenggaraan infrastruktur, pembersihan bandar, kemudahan masyarakat, pengurusan kewangan dan sebagainya. Rentetan itu, beliau mahu setiap ketua jabatan membuat penilaian prestasi kerja dan perkhidmatan kepada rakyat. Beliau percaya masih banyak ruang penambahbaikan dan tindakan pembetulan yang boleh dilaksanakan dengan lebih efektif lagi. Bagi perkhidmatan kutipan sampah, bagi tempoh dari Januari hingga Jun 2013, sebanyak 68,978 tan sampah telah dikutip, melibatkan kos sebanyak RM9,509,091 juta bagi pembayaran kepada kontraktor dan RM3,778,314 juta bayaran bagi fi tapak pelupusan sampah.

Majlis telah membuat perancangan untuk melaksanakan perkhidmatan ini secara “in house” bagi mengurangkan pergantungan kepada kontraktor. Untuk permulaan Majlis akan mengenalpasti kawasan-kawasan kritikal untuk kerja-kerja kutipan sampah domestik, bulk waste dan pembersihan kawasan. Dalam tempoh peralihan pelaksanaan perkhidmatan ini, Majlis akan bersedia dengan kontraktor *back up*. Majlis juga telah menamatkan perkhidmatan beberapa kontraktor yang gagal menjalankan kerja. Oleh itu dalam tempoh peralihan terdapat beberapa kawasan yang terpaksa buat sementara waktu mengalami gangguan dari jadual perkhidmatan biasa kerana kerja-kerja perlu dilaksanakan secara *back up* sebelum Majlis boleh mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan tersebut.

Kesulitan adalah amat dikesali dan Majlis amat berharap penduduk dapat bersabar sehingga pengambilalihan kerja-kerja tersebut dilaksanakan dengan sepenuhnya. Penduduk boleh terus menyampaikan informasi kepada jabatan berkaitan atau menghubungi Unit Aduan Awam Majlis di talian hotline 24 jam, 03-79542020, supaya Majlis dapat mengambil tindakan sebaiknya.

- 3.9 Selain daripada fokus kepada perkhidmatan asas iaitu tuntutan tugas hakiki yang meliputi penyelenggaraan jalan, parit, longkang, lampu jalan, kutipan sampah dan pembersihan awam, kesesakan lalulintas, Majlis juga akan terus berusaha gigih untuk melaksanakan pelbagai program yang dapat memberi tambah nilai (*value added*) kepada penduduk seperti program Low Carbon Green City, Rebat Cukai Taksiran, Projek Pengkomposan Sisa Organik, Pemasangan Lampu LED di lorong belakang, Parkir percuma bagi pembeli kereta hybrid di PJ, Anugerah Tokoh Hijau, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (Sejahtera Komuniti), Kursus Kemahiran Hidup untuk golongan wanita dan belia di PPR, Kad Rawatan Percuma Kepada Warga Emas dan OKU, Bas Komuniti dan Van Transit OKU percuma dan Klinik Bergerak. Program-program *Corporate Social Responsibility (CSR)* ini akan diteruskan dan ditambahbaik dari semasa ke semasa untuk kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.
- 3.10 Beliau mengucapkan ribuan terima kasih dan Selamat Maju Jaya kepada Tuan Haji Ir Cheremi bin Tarman, mantan Pengarah Jabatan Kejuruteraan yang telah berkhidmat dengan Majlis selama 3 tahun. Pada masa yang sama, beliau juga mengalu-alukan kepulangan Tuan Ir. Ismail bin Shafie untuk bertugas semula dengan Majlis. Semoga usaha dan inisiatif kejuruteraan dan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan sekarang dapat diteruskan dan akan dipertingkatkan lagi.
- 3.11 Akhirnya beliau mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh muslimin dan muslimat warga kerja MBPJ dan warga bandaraya Petaling Jaya. Bagi yang pulang ke kampung, berhati-hatilah semasa memandu dan dinasihatkan mengambil langkah-langkah keselamatan kediaman yang ditinggalkan.

SULIT**4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA:-****4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)**

4.1.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 6 Tahun 2013 bertarikh 26 Jun 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

4.2 MINIT MESYUARAT KHAS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 4 TAHUN 2013 (SESI 2012/2013)

4.2.1 Minit Mesyuarat Khas Majlis bilangan 4 tahun 2013 bertarikh 26 Jun 2013 telah diluluskan tanpa pindaan.

5.0 LAPORAN MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:-**5.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 6 TAHUN 2013 BERTARIKH 26 JUN 2013 (PENGGAL 2012/2013)**

Rujukan Minit	Perkara	Tindakan Yang Diambil
6.2.2	CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 3 JUN 2013 DAN 18 JUN 2013. - Memohon agar surat akujanji mengenai perjanjian serahan rizab dan kemudahan awam oleh Tetuan Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd ditandatangani oleh pegawai yang bergred lebih tinggi daripada Encik Azman bin Suffian.	Dimaklumkan bahawa surat akujanji telah dikemukakan oleh Tetuan Sime Darby Ara Damansara Development Sdn Bhd dan telah ditandatangani oleh dua orang Pengarah Syarikat. Perkara ini telah dilaporkan dan dicatatkan dalam Perkara 3, mukasurat 5 Minit Mesyuarat JK OSC Bil 15/2013 bertarikh 24hb Julai 2013 di mana di dalam surat aku janji tersebut akan menyerahkan semua kemudahan awam kepada majlis pada 30 November 2013.



Rujukan Minit	PERKARA	Tindakan Yang Diambil
7.1	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AHMAD AKHIR BIN PAWAN CHIK - Isu banjir di Taman Buana dimana yang berlarutan selama 5-6 bulan.	Bagi menyelesaikan masalah ini, tawaran tender untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan longkang besar di Jalan PJS 3/8 akan dikeluarkan pada akhir bulan Ogos 2013.
7.2	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH YB. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN - Pengarah Jabatan Kejuruteraan diminta memberi penerangan kepada YB Tuan Rajiv a/l Rishyakaran berkaitan perkara yang melibatkan Seksyen 13.	Jabatan Kejuruteraan bersama Jabatan Perancangan Pembangunan akan mengadakan sesi penerangan tersebut bersama YB. Tuan Rajiv a/l Risyakaran pada 01 Ogos 2013.
7.5	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH - isu Iklan Haram yang menjolok mata di sepanjang Ara Damansara dan telah berhubung dengan Bahagian Pelesenan dan berharap agar iklan tersebut diturunkan segera.	Hasil siasatan mendapati majlis tidak pernah meluluskan sama sekali visual iklan yang menjolok mata. Jabatan Perancangan Pembangunan telah membuat siasatan dan hasil siasatan didapati visual iklan tersebut telah pun di turunkan oleh pihak syarikat itu sendiri iaitu <u>Acromedia Sdn Bhd</u>

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 9 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 (25)]**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap dan Pengindahan Bandar, MBPJ.

6.1.2 Mesyuarat turut mengambil maklum ulasan Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud berkaitan isu penggantungan kontraktor sebagaimana ucapan YBhg. Datin Pengerusi. Beliau mencadangkan agar kontraktor yang bermasalah di 'black list' terus daripada senarai majlis.

Selain daripada itu beliau mengemukakan pertanyaan mengapa pemantauan pembersihan di zon-zon hanya dilaksanakan di Seksyen 5.

6.1.2 YBhg. Datin Pengerusi memaklumkan bahawa kontraktor yang digantung kerja akan dikenakan tindakan 'black list' dan Majlis sedang melaksanakan tindakan tersebut.

Bagi perkara pemantauan pembersihan pula YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa perkara ini sedang dilaksanakan dengan pelaksanaan pertama di Seksyen 5.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN, KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 10 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD 2 (58)]**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

6.2.2 Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud mengemukakan pertanyaan berkaitan penyelenggaraan dewan yang sepatutnya dibuat sekiranya terdapat laporan kerosakan. Beliau memaklumkan kebanyakkan aduan yang diterima melibatkan sistem alat penghawa dingin yang rosak dan tidak dibaiki walaupun sewaan dewan berjalan. Sekiranya perkara

seperti ini tidak diatasi segera, akan menjasakan imej majlis di kaca mata penduduk Petaling Jaya. Beliau mencadangkan agar jabatan/bahagian terlibat diselaraskan untuk memudahkan sebarang tindakan aduan diselesaikan segera.

- 6.2.3 YBhg. Datin Paduka Pengerusi memaklumkan bahawa majlis sedang merancang untuk menyeragamkan jabatan/bahagian bagi memudahkan tiandakan ke atas aduan tanpa menuding jari kepada mana-mana jabatan.
- 6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 24 JUN 2013, 12 JULAI 2013 DAN 22 JULAI 2013.**
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (115)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (117)]
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 2 (119)]

- 6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juru ukur Bahan, MBPJ.

- 6.3.2 Mesyuarat mengambil maklum persoalan yang dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez berkaitan penamatkan kontrak di muka surat 8 perkara 4.4. Sekiranya penilaian telah dibuat kenapa masih ada masalah tidak ‘perform’. Sepatutnya kita tidak boleh membuat pemilihan dengan melantik petender yang mengemukakan harga terendah. Pemilihan hendaklah berdasarkan kos semasa projek dan bukanlah memilih harga terendah akan tetapi tidak dapat menampung kos sebenar. Perkara ini akan menyukarkan majlis untuk melaksanakan kerja-kerja yang diamanahkan oleh penduduk Petaling Jaya. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar majlis dapat membuat pemilihan petender berdasarkan kos sebenar dan keupayaan petender dalam melaksanakan tugasan yang diberi. Selain daripada itu beliau berharap agar majlis melihat semula petender yang dilantik memandangkan kontraktor akan ‘sub’ kan kerja diberi kepada kontraktor lain.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 15 JULAI 2013 DAN 24 JULAI 2013.**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (78)]****[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 3 (80)]**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.4.2 Mesyuarat mengambil maklum berkaitan cadangan YBhg. Datin Paduka Mesyuarat untuk mengadakan mesyuarat Jawatankuasa OSC sebanyak 4 kali sebulan.

6.4.3 Bagi muka perkara 4.15 (Osc 2), Encik Khairul memohon agar sebelum mesyuarat diadakan perkara yang perlu dicatatkan adalah seperti berikut:-

Pemaju mestilah membina laluan pejalan kaki, menganalisi tembok LRT yang mana jalan 1A/46 adalah selari dengan jalan depoh itu. Sebenarnya di tapak tak ada laluan pejalan kaki.

Tindakan : Ketua Unit OSC, MBPJ.

6.5 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 15 JULAI 2013.**[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD 2 (12)]**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutuan, MBPJ.

6.5.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan:-

a) Sebagaimana dimaklumkan oleh Encik Azri bin Mohamad Arish, longkang di bazar ramadan SS 5 terlalu kotor.

YBhg. Datin Paduka Pengerusi meminta agar Bahagian Pelesenan mengambil gambar bagi penilaian pemberian lesen bazar ramadan pada tahun akan datang.

6.6

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 16 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD 2 (108)]

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

6.7

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAH BERTARIKH 17 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 (85)]

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

6.8

CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 17 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD 2 (70)]

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

6.9

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT 18 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/15 (97)]

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Audit Dalam, MBPJ.

6.10

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 19 JULAI 2013.
[RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD 2 (68)]

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit mesyuarat jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH TUAN IR. LEE SUET SEN**

- 7.1.1 Beliau meminta agar satu kajian sistem lalulintas dibuat bagi penjelasan kepada penduduk berkaitan isu TOD di stesen LRT atau MRT sebagaimana yang dikeluarkan di dalam suratkhabar NST 4 hari yang lepas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.2 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

- 7.2.1 Beliau menyokong ucapan Tuan Ir. Lee Suet Sen dimana sekiranya MBPJ memulakan proses TOD, kajian lengkap hendaklah dibuat dengan lebih teliti. Ini adalah kerana penduduk Petaling Jaya terlalu peka dengan keadaan sekililing. Sebagaimana projek MRT dan LRT, majlis diminta untuk melihat dengan lebih teliti berkaitan plot ratio. Begitu juga dengan TOD sistem parking di Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.3 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN CYNTHIA GABRIEL

- 7.3.1 Beliau membangkitkan isu *Public Delivery System* di Petaling Jaya di mana satu susun atur atau penyeragaman perlu dibuat bagi mengatasi masalah yang sering timbul. Unit Aduan Awam juga tidak dapat menyelesaikan aduan penduduk memandangkan aduan akan disalurkan kepada dua atau lebih jabatan terlibat. Perkara ini akan melambatkan lagi proses penyelesaian aduan yang diterima dan mengundang kemarahan penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

7.4 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK JEYASEELAN A/L T ANTHONY

- 7.4.1 Beliau turut membangkitkan isu di mana ketiadaan permit untuk meletak kereta di Dewan kawasan Sea Park Petaling Jaya.

7.4.2 Pengarah Jabatan Kejuruteraan menjelaskan bahawa kejadian berlaku disebabkan pemilik bangunan dan pemilik tanah adalah orang yang berbeza. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datin Paduka Mesyuarat memutuskan agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan menyemak semula perkara ini.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

7.5 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TERENCE TAN TECK SENG

7.5.1 Beliau meminta agar jadual kutipan sampah diletakkan di papan kenyataan bagi makluman penduduk Petaling Jaya.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

7.6 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK KHAIRUL ANUAR BIN AHMAD ZAINUDIN

7.6.1 Beliau membangkitkan berkaitan sistem pengurusan sampah industri di mana cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar memohon agar perkara ini dikaji untuk mewajibkan kontraktor kutipan sampah melakukan tugas ini.

**Tindakan : Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.**

7.7 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK AZRI BIN MOHAMAD ARISH

7.7.1 Beliau mencadangkan agar Ahli Majlis diberikan bonus sebagaimana warga kerja majlis.

Tindakan : Timbalan Pengarah (Sumber Manusia), MBPJ.

7.8 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TUAN HAJI MOHD GHAZALI BIN DAUD

7.8.1 Beliau berharap agar Unit Perundangan mengemukakan laporan kes-kes yang sedang berjalan dan kes-kes yang kalah di mahkamah untuk makluman dan 'post mortem'.

Tindakan : Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK CHAN CHEE KONG

7.9.1 Beliau membangkitkan isu sampah yang tidak dikutip sepenuhnya oleh kontraktor yang dilantik. Beliau mencadangkan agar diwujudkan Jawatankuasa Kebersihan yang memantau berkaitan sampah tersebut.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

7.10 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK TONY CHEONG SIEW THONG

7.10.1 Beliau turut membangkitkan isu kebersihan di mana kelewatan kontraktor yang mengangkat sampah dirumah penduduk menimbulkan aduan. Selain daripada itu kebanjiran warga asing turut menyumbang masalah di atas. Sehubungan dengan itu beliau berharap agar pemeriksaan dibuat terutama di kawasan Old Town memandangkan tiada pemantauan oleh pegawai terlibat.

Tindakan : Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ.

7.1 PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH PUAN NORLIANA BINTI MOHAMAD

7.1.1 Beliau ingin penjelasan berkaitan status surat aduan daripada YB. Dato' Teng Chang Kim berkaitan isu parking di SS 7.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.08 petang. YBhg. Datin Paduka Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ahli Mesyuarat.

(PUASA BIN MD TAIB),
Setiausaha,
b.p. Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 31 Julai 2013



HADIR:

- | | | | |
|-----|---|---|-----------|
| 01. | YBhg. Datin Paduka Alinah binti Ahmad,
Datuk Bandar, MBPJ, | - | Pengerusi |
| 02. | Tuan Puasa bin Md Taib,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ, | | |
| 03. | Tuan Haji Ghazali bin Shaari,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 04. | Encik Derek John Fernandez,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 05. | Encik Mahharul bin Ismail,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 06. | Encik Chan Chee Kong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 07. | Puan Cynthia Gabriel,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 08. | Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 09. | Encik Khairul Anuar bin Ahmad Zainudin,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 10. | Encik Jeyaseelen a/l T Anthony,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 11. | Encik Tony Cheong Siew Thong,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 12. | Encik Kandeah,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 13. | Tuan Ir. Lee Suet Sen,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |
| 14. | Encik Azri bin Mohamad Arish,
Ahli Majlis, MBPJ, | | |



SULIT

15. Puan Norliana binti Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ,
16. Tuan Haji Mohd Ghazali bin Daud,
Ahli Majlis, MBPJ,
17. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik,
Ahli Majlis, MBPJ,
18. Encik Azman bin Yusof,
Ahli Majlis, MBPJ,
19. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ,
20. Encik Anthony Siva Balan a/l Thanasayan,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

01. Encik Mohamad Rosnani bin Haji Hamid,
Wakil Timbalan Setiausaha,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ,
02. Puan Hajah Nik Nazli binti Nik Abdullah,
Wakil Pengarah, Jabatan Perpendaharaan, MBPJ,
03. Puan Sharipah Marhaini binti Syed Ali,
Pengarah, Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ,
04. Tuan Ir. Ismail bin Shafie,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
05. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, MISM,
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ,
06. Encik Aznan bin Haji Hassan,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ,
07. Puan Hamidah binti Ariffin,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ,
08. Puan Zuraidah binti Sainan,
Pengarah, Jabatan Lanskap dan Kehijauan Bandar, MBPJ,



SULIT

09. Puan Dr. Chithradavi a/p N Vadivellu,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Persekutaran, MBPJ,
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan, MBPJ,
11. Encik Abd. Muttalib bin Mohd. Ali,
Pengarah (Undang-undang), Unit Perundangan, MBPJ,
12. Puan Haniza binti Abdul Hamid,
Pengarah (Perhubungan Awam), Unit Perhubungan Awam, MBPJ,
13. Encik Ainul Adnan bin Abdul Rahaman,
Pengarah Audit Dalam, Unit Audit Dalam, MBPJ,
14. Y.M Tengku Nazaruddin bin Tengku Zainuddin,
Pengarah Aduan Awam, Unit Aduan Awam, MBPJ,
15. Encik Lee Lih Shyan,
Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ,
16. Cik Norshabani binti Johari,
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ,
17. Encik Samsul Bahari bin Nonchi,
Timbalan Pengarah (Teknologi Maklumat),
Bahagian Teknologi Maklumat, MBPJ,
18. Puan Hajah Sharinaz binti Haji Samsudin,
Timbalan Pengarah (Pelesenan), Bahagian Pelesenan, MBPJ,
19. Puan Saliza binti Mohd Masri,
Penolong Pengarah Kanan (Tender dan Kontrak),
Bahagian Tender dan Kontrak, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ,
20. Tuan Haji Ahmad Johari bin Salleh,
Penolong Pengarah Kanan (Korporat), Unit Korporat dan Inovasi, MBPJ.

AHLI PARLIMEN/ADUN:

01. Encik Loh Boon Keat,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan (PJS),
02. Encik Billy Wong,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara (PJu),



SULIT

03. Encik Ho Fook Chuan,
Wakil Ahli Parlimen Kelana Jaya,
04. Y.M Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Wakil ADUN Taman Medan,
05. Cik Lydia Chan Shi Song,
Wakil ADUN Damansara Utama,
06. Encik Nor Azri Sulong,
Wakil ADUN Kota Damansara.

TURUT HADIR :

01. Puan Norzita binti Mokhtar,
Penolong Pengarah Kanan (Undang-undang),
Unit Perundangan, MBPJ,
02. Encik Lee Chew Yee,
Pegawai Tadbir (S),
Unit Aduan Awam, MBPJ.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Sunita binti Saad,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
03. Encik Mohd. Sakri bin Md Zin,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
04. Puan Suriyati binti Othman,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

